

RENCANA

Universiti Teknologi Nanyang (NTU) mengadakan majlis konvokesyen secara fizikal baru-baru ini. Lebih 4,300 siswazah menerima ijazah mereka pada konvokesyen itu, yang berlangsung dari 1 hingga 16 Mac. **BERITA HARIAN** memapar beberapa kisah inspirasi siswazah daripada pelbagai jurusan di halaman ini dan berikutnya.

Genggam ijazah NTU walau asal aliran Normal, ITE

Tingkat matlamat daripada diploma kepada ijazah agar dapat pekerjaan bergaji lebih tinggi demi bantu famili dengan lebih baik

► **NUR HUMAIRA SAJAT**
nhumaira@sph.com.sg

SEPANJANG perjalanannya menuntut ilmu sebagai pelajar aliran Normal Teknikal dan kemudian Institut Pendidikan Teknikal (ITE), tidak pernah terlintas di fikiran Encik Muhammad Ashiq Ali bahawa beliau akan dapat menjejak menara gading.

Walaupun setelah berjaya melanjutkan pelajaran ke politeknik daripada ITE, Encik Ashiq tidak mempunyai keyakinan diri dan hanya ingin bekerja selepas itu supaya dapat membantu keluarganya.

Namun, pemuda yang sekarang berusia 29 tahun itu mengharungi segala cabaran yang beliau hadapi dan berjaya genggam segulung ijazah dari Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Beliau antara graduan tahun 2020 yang menerima ijazah mereka pada majlis konvokesyen tertunda akibat pandemik Covid-19 yang diadakan secara fizikal tahun ini.

“Sewaktu saya di ITE, matlamat saya hanya ingin ke politeknik dan menamatkan pengajian di sana kerana saya tak terfikir pun yang saya

mampu ke universiti.

“Melihat kembali perjalanan saya, jika boleh, saya mahu sebarkan mesej bahawa pelajar Normal Teknikal dan ITE lain pun boleh melakukannya.

“Ibu bapa saya amat gembira kerana saya yang pertama dalam keluarga mendapat ijazah sarjana muda, dan mereka tidak sabar hendak datang ke konvokesyen saya,” ujar Encik Ashiq.

Lulusan kejuruteraan komputer itu mendapat pekerjaan sebaik sahaja tamat pengajian tahun lalu, dan kini bekerja sebagai pengurus sofwe bersekutu.

Menceritakan pengalamannya, Encik Ashiq berkata ketika di Politeknik Ngee Ann, beliau hanya mahu mendapat diploma dan kemudian bekerja, kerana keadaan kewangan keluarganya yang sempit.

Dengan ayahnya seorang pengawal keselamatan dan pencari nafkah tunggal, agak sukar menampung keluarga lima anggotanya.

Namun, pemikiran Encik Ashiq berubah apabila beliau menjadi antara 5 peratus pelajar terbaik dalam kohaortnya bagi peperiksaan pertama-



GANJARAN BERKORBAN: Daripada cepat bekerja untuk bantu keluarga, Encik Ashiq berkorban sementara dan berusaha lebih gigih mengejar ijazah hingga akhirnya berjaya. – Foto BH oleh KHALID BABA.

“Pada mulanya saya berasa saya boleh menyokong keluarga saya jika saya bekerja (selepas mendapat diploma politeknik). Tapi, saya persoal diri saya, berapa lama saya boleh sokong mereka? Sebagai pemegang diploma, saya mungkin boleh menyokong mereka dua tiga tahun, tetapi jika saya ingin membina keluarga saya sendiri, ia akan menjadi sukar.”

– Encik Muhammad Ashiq Ali, siswazah kejuruteraan komputer.

“Di mana sahaja tempat mereka, di ITE mahupun Normal Teknikal, mereka perlu tahu bahawa itu bukan garisan penamat sebaliknya, ia titik permulaan. Anda tidak perlu takut berdepan orang paling bijak, tetapi takutlah berdepan dengan orang paling tekun dan tidak pernah putus asa, kerana dengan dua sikap itu, anda boleh bangkit dan pergi jauh.”

– Encik Muhammad Ashiq Ali, memberi kata perangsang buat mereka yang mempunyai latar belakang serupa beliau.

nya di politeknik.

Detik itu membuat beliau memikirkan perkara itu semula.

“Pada mulanya saya berasa saya boleh menyokong keluarga saya jika saya bekerja. Tapi, saya persoal diri saya, berapa lama saya boleh sokong mereka?”

“Sebagai pemegang diploma, saya mungkin boleh menyokong mereka dalam dua tiga tahun, tetapi jika saya ingin membina keluarga saya sendiri, ia akan menjadi sukar,” ujar

anak sulung daripada tiga adik-beradik itu.

Oleh itu, beliau lebih rela berkorban buat sementara, berusaha lebih gigih dan mencapai matlamat genggam ijazah supaya boleh mendapat pekerjaan bergaji lebih tinggi demi menyara keluarga dengan lebih baik.

Sewaktu di universiti, Encik Ashiq risau tentang yuran tuisyen, tetapi akhirnya beliau mendapat biasiswa HSBC Centenary.

Beliau turut berpeluang ke luar negara, menjalani program bekerja sambil belajar di Jerman.

Mengenai dorongan daripada ibu bapanya, Encik Ashiq berkata orang tuanya tidak pernah mengenakan tekanan ke atas dirinya dalam pelajaran dan memberinya kebebasan untuk berfikir sendiri.

Itu memberi beliau ruang berdiskari dan menjadi lebih matang dalam memburu kejayaan dan cita-cita.

Mengenai nasihat buat mereka yang mempunyai latar belakang serupa beliau, Encik Ashiq berkata:

“Di mana sahaja tempat mereka, di ITE mahupun Normal Teknikal, mereka perlu tahu bahawa itu bukan garisan penamat sebaliknya, ia titik permulaan.

“Anda tidak perlu takut berdepan orang paling bijak, tetapi takutlah berdepan dengan orang paling tekun dan tidak pernah putus asa, kerana dengan dua sikap itu, anda boleh bangkit dan pergi jauh.”

Dalami gabungan sastera, seni lepas ijazah dalam tangan



LANJUTKAN PENGHAJIAN KE PERINGKAT SARJANA: Cik Nadia ditemani ibunya, Cik Junaidah Jaafar, dan kakaknya, Cik Siti Nur Faezah, di konvokesyennya baru-baru ini. Beliau kini mengikuti program sarjana bahasa Inggeris di NTU sambil bekerja sebagai penyelidik sepenuh masa di sana. – Foto NTU

► **NUR FATHIN AWALLUDIN**
nfathin@sph.com.sg

MEMBACA menjadi sebahagian kehidupannya sejak kecil.

Semasa beliau masih seorang kanak-kanaknya, kakak Cik Siti Nadia Yanti Alang M. K. selalu membaca buku cerita kepadanya sebelum beliau tidur.

Apabila ibunya ke pasar raya pula, Cik Nadia ikut sama – hanya kerana mahu singgah di kedai buku Popular untuk membeli buku baru.

“Apa yang saya gemar tentang membaca ialah saya dapat menyelami minda orang lain, dan banyak perkara yang boleh dipelajari daripada orang itu.

“Saya boleh belajar cara penggunaan bahasanya, dapat melihat daripada sudut pandangannya dan mengetahui emosinya,” kata anak bongsu dari empat adik-beradik itu.

Tidak hairanlah Cik Nadia, 24 tahun, memilih jurusan kesusasteraan Inggeris dan sejarah seni ketika menuntut di Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Beliau, yang mula pengajian pada 2016, mendapat ijazah sarjana muda seni baru-baru ini pada majlis konvokesyen universiti itu.

Namun, perjalanan pendidikannya tidak tamat di situ – Cik Nadia kini mengikuti program sarjana bahasa Inggeris di NTU sambil bekerja sebagai penyelidik sepenuh masa di sana.

Beliau menerima geran tuisyen

“Apa yang saya gemar tentang membaca ialah saya dapat menyelami minda orang lain, dan banyak perkara yang boleh dipelajari daripada orang itu. Saya boleh belajar cara penggunaan bahasanya, dapat melihat daripada sudut pandangannya dan mengetahui emosinya.”

– Cik Siti Nadia Yanti Alang M. K., siswazah kesusasteraan Inggeris dan sejarah seni.

daripada NTU, membolehkannya belajar sambil bekerja dalam bidang penyelidikan.

Tugasnya? Membaca novel sambil menyalasat hubungannya dengan lukisan.

Ia sebahagian projek berkaitan sastera dan seni, jelas beliau.

Tugasnya itu tidak jauh beza daripada apa yang dipelajarinya di universiti ketika mengikuti program kesusasteraan Inggeris dan sejarah seni (ELAH).

“Program itu memberi saya pandangan berharga tentang dua dunia yang tampak berbeza – seni dan sejarahnya serta sastera dengan kerumitannya.

“Ternyata, kajian menunjukkan kedua-duanya berasal daripada falsafah Yunani dan sudah banyak yang dipelajari mengenai gabungan seni dan sastera,” ujar beliau.

Seperti kesusasteraan, seni, termasuk lukisan dan persembahan, “mengundang kita ke dalam serangkaian makna dan kita dapat pilih apa yang hendak kita lihat”, katanya.

Semasa di universiti, Cik Nadia giat dalam produksi teater dan merupakan anggota jawatankuasa Hall 4 Muse Productions sebagai penolong pengarah pada 2017 dan kemudian pengarah bersama pada 2019.

Antara lain, beliau menulis skrip bagi persembahan teater yang mengetengahkan isu penyakit mental seperti skizofrenia, gangguan obsesif-kompulsif, gangguan tekanan pascatrauma dan kemurungan.

Mengenai rancangan masa depan, Cik Nadia berkata:

“Saya dapat melihat diri saya dalam bidang akademik bagi jangka masa lama... dan ia juga selaras dengan beberapa matlamat kehidupan saya, iaitu mengajar sastera dan menulis buku.”